

GARIS PANDUAN PENGHASILAN E-KAD DAN KAD UCAPAN TERIMA KASIH CIKGU

1. Penyertaan terbuka kepada semua murid prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Penyertaan boleh dihantar sama ada berbentuk **e-kad atau kad ucapan** yang dilukis atau dicetak
3. **Kad ucapan elektronik (e-Kad Ucapan)**
 - a. Boleh menggunakan sebarang applikasi yang sesuai
 - b. Format penyimpanan karya: **Nama Peserta Nama Sekolah.mp4**
Contoh: AliBinAbuSMKJohorBahru.mp4
 - c. Saiz fail 10 MB
4. **Kad ucapan Terima Kasih Cikgu**
 - a. Kad ucapan boleh dilukis sendiri atau menggunakan templat kad digital.
 - b. Format penyimpanan karya adalah ***.jpeg** atau ***.png** atau ***.PDF**
Sekiranya dilukis, setiap muka kad perlu diimbas dan disimpan mengikut format.
 - c. Format penyimpanan karya adalah Nama Peserta Nama Sekolah.jpeg
Contoh: AliBinAbuSMKJohorBahru.jpeg
 - d. Saiz fail 2 MB
 - e. Kad sebenar perlu dihantar kepada Unit Pembangunan Bakat Murid PPD masing-masing.
5. Setiap penyertaan perlu mempunyai slogan dan tanda pagar **#TerimaKasihCikgu** serta perlu dizahirkan mengikut kreativiti masing-masing. Karya yang tidak mempunyai slogan dan tanda pagar tersebut akan dibatalkan penyertaan.
6. Karya yang dihasilkan mestilah mempunyai nilai murni dan tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan, politik dan isu-isu sensitif serta menghina mana-mana individu lain.
7. Semua hasil penyertaan adalah hak milik Kementerian Pendidikan Malaysia dan hasil karya murid yang terpilih akan disiarkan di media sosial untuk tontonan umum.
8. Setiap penyertaan perlu dihantar melalui Urus setia e-Kad dan Kad Ucapan **#TerimaKasihCikgu** di Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan **akan menerima e-sijil. Penyertaan mestilah diuruskan oleh pihak sekolah dengan mengisi boring pengesahan yang disediakan.**
9. Peserta hendaklah **memuatnaik hasil karya di Google Drive masing-masing** dan hanya memberikan pautan (*link*) karya kepada urus setia.
10. Peserta perlu memastikan tetapan pautan (*link*) karya peserta di *Google Drive* masing-masing dalam tetapan **“everyone with the link can view”** bagi

memastikan pautan (*link*) *Google Drive* eviden / hasil karya Kad Ucapan Terima Kasih Cikgu boleh dilihat oleh pihak urus setia

11. Borang penyertaan serta ruang pautan hasil karya murid boleh diisi melalui pautan *google forms* di bawah:

11.1. Pertandingan Kad Ucapan TKC

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSecioYJ_E5NuvlAnW7r7_pdHqJfJEPXLLSDpCAXCxSAnUX_Og/viewform

ATAU boleh imbas kod QR di bawah:



11.2. Pertandingan e-Kad Ucapan TKC

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScy7HoTE9kM7G1Ik4KqeDRyk5JLSeLPQy3z5PTDJ_CLtDNCA/viewform

ATAU boleh imbas kod QR di bawah :



12. Urus setia di Jabatan Pendidikan Negeri Johor akan memilih 100 e-Kad dan 50 kad ucapan yang berkualiti, kreatif, inovatif serta mempunyai nilai yang bermakna untuk dihantar kepada urus setia Gerakan Masa : Terima Kasih Cikgu di Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum atau pada **1 April 2022.**

Urus Setia Gerakan Massa : “TerimaKasihCikgu”

#TerimaKasihCikgu

Unit Pembangunan Bakat Murid

Sektor Pembangunan Murid

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Jalan Tun Abdul Razak

80604 Johor Bahru

(u/p : Tuan Haji Azmi bin Abu)